

## Nilai Murni dalam Pendidikan 5.0 (Moral Values in Education 5.0)

Noor Syahida Md Soh  
Pusat Asasi UiTM Kampus Dengkil  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor  
Email: [noors8233@uitm.edu.my](mailto:noors8233@uitm.edu.my) (corresponding author)

Huzaimah Ismail  
Akademi Pengajian Islam Kontemporari  
Universiti Teknologi MARA Shah Alam  
Email: [huzaimah@uitm.edu.my](mailto:huzaimah@uitm.edu.my)

Faridah Mohd Sairi  
Pusat Asasi UiTM Kampus Dengkil  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor  
Email: [faridah0052@uitm.edu.my](mailto:faridah0052@uitm.edu.my)

Mohd Annas Shafiq Ayob  
Pusat Asasi UiTM Kampus Dengkil  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor  
Email: [mohdannas0382@uitm.edu.my](mailto:mohdannas0382@uitm.edu.my)

### Abstrak

Pengenalan terhadap Pendidikan 5.0 yang bertujuan untuk memperkasakan penggunaan teknologi dalam membantu untuk menerapkan nilai-nilai murni dalam diri pelajar dilihat sebagai peluang untuk mendalami sejauh manakah nilai-nilai murni mampu diterapkan sesuai dengan matlamat pendidikan di Malaysia. Pendidikan yang menerapkan nilai-nilai murni akan mampu dihayati oleh pelajar serta membawa kepada kesan baik terhadap kehidupan mereka. Namun, statistik kes keruntuhan nilai di Malaysia dilihat semakin meningkat saban tahun. Justeru, kertas kerja konsep ini membincangkan tentang konsep Pendidikan 5.0 dalam konteks pendidikan di Malaysia serta kepentingan nilai murni dalam pendidikan 5.0. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan membuat analisis dokumen yang berkaitan dengan nilai-nilai murni serta buku garis panduan Pendidikan 5.0 melalui perisian ATLAS.ti 8 dan menghasilkan beberapa kod serta tema kepentingan penerapan nilai murni dalam pendidikan iaitu; matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan; pembentukan masyarakat yang baik, berakh�ak dan mempunyai jati diri serta; tuntutan agama. Dapatkan kajian ini adalah penting untuk digunakan sebagai panduan bagi memastikan elemen nilai murni tidak diabaikan selaras dengan perkembangan sistem pendidikan yang telah pun mengorak langkah dengan lebih maju.

**Kata kunci:** Nilai Murni, Pendidikan 5.0, Penerapan

### Abstract

The introduction of Education 5.0 aims to strengthen the use of technology to inculcate values into students' lives. This is seen as an opportunity to explore how moral values are applied in line with the goals of education in Malaysia. The inculcation of moral values through education will enable the students to internalise the values and this brings a good impact on their lives. . However, annual statistics have shown the decline in the moral values in Malaysia. Thus, this concept paper discusses the notion of Education 5.0 in the Malaysian education context and the importance of moral values in education 5.0. This study employed a qualitative method by analysing documents related to moral values as well as the Education 5.0 guideline book. The data were managed by ATLAS.ti 8 software. The themes revolve around the importance of moral values application in education and they include; the goals of the National Philosophy of Education; the formation of a society that is good, moral and has an identity as well as; religious demands. This study's findings are significant to be used as a guide to ensure that the elements of moral values are not neglected in line with the advancement of education.

**Keywords:** Moral values, Education 5.0, Inculcation

Article Progress  
Received: 20 May 2021  
Revised: 3 June 2021  
Accepted: 17 June 2021

## 1. PENGENALAN

Nilai murni merupakan nilai-nilai penting bagi seseorang individu Muslim yang mana ianya merujuk kepada ciri-ciri atau sifat-sifat mulia yang perlu dimiliki oleh setiap individu Muslim. Menurut al-Ghazali, akhlak ialah perbuatan yang lahir dari jiwa yang suci tanpa memerlukan pemikiran dan penelitian (Mohd Hasrul & Mohd Fauzi, 2015). Akhlak dikaitkan dengan bentuk kejadian (*al-khalq*) dan perilaku (*al-khulq*) yang mana *al-khalq* merupakan gambaran atau kecantikan zahir manusia, manakala *al-khulq* merupakan gambaran atau kecantikan batin manusia (al-Ghazali 2005: Vol 3: 49). Gambaran mengenai akhlak yang mulia ini terletak pada contoh yang telah dibawa oleh Rasulullah SAW di dalam kehidupan Baginda seperti di dalam firman Allah SWT:

وَإِنَّمَا لَعَلَى الْخُلُقِ عَظِيمٌ

Maksudnya: “Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia.”

(Surah al-Qalam: 4)

Penanaman nilai dan akhlak mulia Rasulullah SAW terhadap masyarakat Islam telah terbukti mampu menghasilkan sebuah ketamadunan yang gemilang. Dalam konteks pendidikan, ianya dilihat sebagai satu mekanisme yang sangat penting dalam membina nilai-nilai yang murni dalam sesebuah masyarakat ke arah membentuk negara yang maju dan moden. Pandangan Ibnu Khaldun di dalam kitab Muqaddimah menyatakan bahawa kemajuan dan kemunduran sesebuah negara dan tamadun, banyak bergantung kepada sejauh mana umat itu berpegang kepada nilai-nilai yang tinggi (Franz Rosenthal 1967). Menurut Siti Norlina dan Mohd Nasir (2004), kemuliaan sesuatu umat bukan hanya bergantung kepada ilmu yang tinggi tetapi juga kemurnian akhlak yang dimiliki.

Jelaslah, pembinaan dan pengukuhan negara bangsa amat bergantung kepada ketinggian nilai masyarakatnya. Matlamat sebenar pendidikan tidak akan mampu dicapai tanpa kewujudan nilai murni yang diterapkan melalui proses pendidikan tersebut. Al-Attas (1980) menegaskan bahawa pendidikan merupakan proses penerapan adab ke dalam diri individu. Ini bermakna pendidikan bukan hanya untuk menghasilkan warganegara dan pekerja yang baik, malah untuk membentuk manusia yang sempurna agar menjadi insan yang baik. Insan yang baik itu akan menzahirkan kebaikannya melalui perbuatan dan amalannya (Zulkifli Mohamad al-Bakri 2019).

Di Malaysia, pendidikan yang dilalui oleh anak-anak warganegara adalah berpaksikan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang telah digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai halatuju pendidikan negara. Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) menekankan konsep melahirkan manusia yang seimbang dari segi emosi, intelek, rohani dan jasmani. Merujuk kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (2013), matlamat FPK ini menjuruskan kepada kesepaduan pendidikan dengan penerapan nilai-nilai murni. Secara umumnya, keseimbangan dan keharmonian yang terdapat dalam FPK akan dapat dicapai jika pelajar dapat merealisasikan nilai-nilai murni dalam kehidupan.

## 2. LATAR BELAKANG KAJIAN

Pendidikan merupakan salah satu daripada aspek penting dalam perkembangan kehidupan manusia dan paling memberi kesan dalam institusi sosial yang mana setiap individu pasti tidak akan terlepas daripada melalui fasa pendidikan sekurang-kurangnya di peringkat sekolah rendah. Pada hari ini, sistem pendidikan di Malaysia telah mengorak langkah yang lebih jauh dalam memastikan supaya perkembangan pendidikan di negara ini, seiring dengan perkembangan pendidikan kontemporari (Hairuddin et al., 2016). Kementerian Pendidikan telah meneruskan usaha untuk mengukuhkan pelaksanaan inisiatif yang telah dirangka bagi memastikan akses kepada pendidikan berkualiti dapat diberikan kepada semua anak-anak warganegara seiring dengan perkembangan dunia pendidikan pada abad ini. Hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia yang paling utama adalah bagi memastikan

bahawa sistem pendidikan yang dilalui oleh anak-anak ini dapat menjadikan mereka insan yang seimbang dan sejahtera sebagaimana yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan diterjemahkan melalui pelbagai inisiatif di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (Maszlee, 2020).

Sesuai dengan sistem pendidikan negara yang telah berubah mengikut peredaran masa dan kemajuan teknologi, pengenalan terhadap Pendidikan 5.0 bagi seluruh sistem UiTM telah mula diperkenalkan. Pendidikan 5.0 di UiTM merangkumi unsur Pendidikan 4.0 dengan memberikan penekanan terhadap nilai-nilai dan pemikiran masa hadapan yang progresif dalam diri pendidik dan pelajar. Dalam konteks Pendidikan 5.0, penerapan nilai murni dan prinsip-prinsip di dalam ekosistem pembelajaran adalah sangat penting (*Academic Affairs Division*, 2019). Penekanan kepada konsep pengajaran berdasarkan *qalbu* akan menjadikan proses penerapan nilai lebih bermakna. Islam mendefinisikan *qalbu* atau jiwa sebagai peranan penting dalam diri manusia kerana ianya bukan hanya organ fizikal tanpa jiwa tetapi fungsinya adalah untuk membezakan di antara manusia dan haiwan (Amir & Mohd Shukri, 2019). Pembelajaran berdasarkan *qalbu* diutamakan di dalam Pendidikan 5.0 kerana pendekatan berdasarkan *qalbu* tidak hanya menumpukan kepada ilmu pengetahuan, tetapi juga pada praktik dan penghayatan pengetahuan (Nor Liza & Noraizan, 2018). Oleh itu, Pendidikan 5.0 dapat membentuk sahsiah pelajar dan memastikan bahawa kebijakan dapat dihayati dan diamalkan oleh pelajar dalam kehidupan seharian mereka.

Bagi menghasilkan graduan masa hadapan yang holistik, penerapan nilai dan etika di dalam kurikulum pembelajaran era Pendidikan 5.0 telah menjadi salah satu agenda yang perlu dicapai (*Academic Affairs Division*, 2019). Menyedari hakikat keperluan untuk menerapkan nilai-nilai murni bagi merialisasikan Pendidikan 5.0, kajian ini dijalankan untuk menjelaskan konsep Pendidikan 5.0 di dalam konteks pendidikan di Malaysia. Selain itu, kajian ini juga akan membuat analisis terhadap kepentingan nilai-nilai murni dalam Pendidikan 5.0.

### 3. KONSEP PENDIDIKAN 5.0

Pengenalan kepada *Society 5.0* oleh Negara Jepun bermula dari tahun 2017 membawa arus perubahan yang besar kepada landskap pendidikan, khususnya bagi pendidikan tinggi negara. *Society 5.0* bermatlamat untuk melahirkan masyarakat yang mampu untuk menangani cabaran sosial dengan menerapkan penggunaan inovasi-inovasi dari IR 4.0 ke dalam setiap industri dan kehidupan sosial. Dengan itu, ianya akan mampu untuk melahirkan masyarakat yang boleh membina nilai-nilai serta perkhidmatan secara berterusan, yang mana ianya akan menjadikan kehidupan mereka lebih mampan (Abe, t.t.).

Sesuai dengan sistem pendidikan negara yang telah berubah mengikut peredaran masa dan kemajuan teknologi, Malaysia tidak terkecuali dengan memperkenalkan Pendidikan 5.0 bagi seluruh sistem Universiti Teknologi MARA bagi memacu pendidikan berkualiti. UiTM telah menggariskan lima bidang teras yang akan diberi tumpuan dalam Pendidikan 5.0 bagi memupuk pelajar yang berfikiran progresif serta menjadi ejen pembelajaran mereka sendiri (*Academic Affairs Division*, 2019), iaitu:

1. Pembelajaran yang bukan sekadar memperolehi gred yang baik bagi setiap matapelajaran.
2. Keperibadian dan pengalaman pembelajaran kendiri.
3. Membentuk ruang untuk belajar dan mereka cipta.
4. Penyediaan tugas dan isi pembelajaran yang mencabar.
5. Penerapan budaya pembelajaran berdasarkan nilai.

Menurut Walker, A. (2019), generasi Z lebih gemar kepada komunikasi yang bersifat pantas serta maklum balas yang cepat. Pendidikan 5.0 yang diperkenalkan di UiTM merangkumi unsur Pendidikan 4.0 dengan memberikan penekanan terhadap nilai-nilai dan pemikiran masa hadapan yang progresif dalam diri pendidik dan pelajar. Penggunaan teknologi dalam pendidikan 5.0 bertindak sebagai pemboleh ubah, perancah, sokongan dan kemampuan bagi menyampaikan pembelajaran kepada pelajar-pelajar (Aziah, 2019). Budaya *E-Learning* telah bertapak di dalam sistem pendidikan di Malaysia Penggunaan medium seperti *VLE Frog, Ilearn* di UiTM, *Learning Management System* (LMS) serta media sosial yang lainnya dalam menyampaikan ilmu dilihat banyak membantu untuk menambah baik keberkesanan penyampaian pengajaran kepada pelajar (Hidayat, 2017). Pendekatan pengajaran yang pelbagai serta penumpuan terhadap pengajaran berpusatkan pelajar, kaedah pembelajaran berdasarkan masalah serta pedagogi digital adalah dilihat menjadi pilihan para pendidik masa kini dalam menggerakkan perjalanan pengajaran mereka agar menjadi lebih berkesan dan interaktif. Ianya dilihat mampu melahirkan pelajar yang berkualiti serta kreatif bagi memberi sumbangan kepada kemajuan negara (Nur Fadilah, 2015). Namun begitu, hakikat perkembangan pesat dunia globalisasi ini juga turut memberi kesan kepada pembentukan nilai-nilai di dalam jiwa pelajar (Mohd Aliff et al., 2012). Kerosakan nilai akibat daripada kebejatan teknologi ini perlu ditangani dengan pendekatan pendidikan yang lebih komprehensif. Nilai murni yang tertanam di dalam jiwa pelajar akan membentuk generasi masa hadapan yang lebih berkualiti dan berdaya saing.


Penerapan nilai dan etika telah menjadi agenda utama bagi merealisasikan Pendidikan 5.0 di UiTM (*Academic Affairs Division*, 2019). Daccache, F. J. (2019) menyatakan, adalah menjadi satu keperluan untuk kita mengkaji penggunaan teknologi sebagai alat untuk menyampaikan nilai kepada pelajar melalui pedagogi pengajaran. Ini menunjukkan, pelaksanaan Pendidikan 5.0 akan memberi kesan yang positif terhadap pelaksanaan kursus-kursus yang bermatlamat untuk menerapkan nilai-nilai yang murni. Untuk itu, ianya menjadi satu keperluan bagi menjalankan kajian tentang apakah kepentingan penerapan nilai murni di dalam Pendidikan 5.0 mengikut landskap pendidikan masa kini.

#### 4. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif berbentuk deskriptif kerana ianya dijalankan untuk menganalisis kepentingan penerapan nilai murni melalui Pendidikan 5.0. Penyelidik menggunakan kaedah analisis dokumen melalui penggunaan perisian ATLAS.ti 8 bagi menghasilkan kod-kod tertentu berdasarkan penelitian terhadap kajian-kajian yang lepas. 30 dokumen telah diperolehi melalui pencarian pengkalan data *google scholar* dengan kata kunci “nilai murni dalam pendidikan” dan disimpan di dalam perisian *mendeley* yang kemudiannya dipindahkan ke dalam perisian ATLAS.ti 8 untuk dianalisa. Data yang diperolehi telah di analisis menggunakan kaedah tematik. Analisis Tematik adalah kaedah untuk mengenal pasti, menyusun, dan memberikan pandangan secara sistematik mengenai corak makna (tema) merentasi set data (Braun, V. & Clarke, V. 2012). Data yang telah dianalisis akan dikumpulkan mengikut tema yang tertentu untuk dibincangkan mengikut objektif kajian yang telah dibina. Penghasilan tema pula diterjemahkan ke dalam bentuk visual bagi memudahkan penyelidik untuk membuat tafsiran data kualitatif (Othman, 2019). Kaedah ini digunakan bertujuan untuk melihat dan menganalisis kepentingan nilai-nilai murni dalam pendidikan 5.0. Tiga tema yang terhasil berdasarkan analisis yang telah dijalankan akan dibentangkan di dalam dapatan kajian iaitu; matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK); pembentukan masyarakat yang baik, berakhhlak dan mempunyai jati diri serta; tuntutan agama.

## 5. DAPATAN KAJIAN

Dapatan menunjukkan bahawa pendidikan dilihat sebagai satu proses yang paling tepat dalam melahirkan manusia yang berakhlak mulia. Mohamed Noh (2010) dalam kajiannya telah menjelaskan bahawa menurut Ibnu Khaldun, pendidikan ialah satu proses bagi mencapai makrifah, manakala hasil daripada proses yang melibatkan pertukaran makrifah iaitu ilmu pengetahuan, serta kesannya terhadap pemikiran dan tingkah laku individu inilah yang dikenali sebagai pengetahuan. Pandangan Ibnu Khaldun ini mengukuhkan bahawa pendidikan akan memberi kesan kepada tingkah laku manusia. Justeru, pendidik berperanan untuk memastikan proses bagi mencapai makrifah iaitu ilmu pengetahuan ini adalah bertepatan dengan matlamat utama pendidikan (Mohd Zahirwan et al., 2017). Rajah 1 merupakan tema akhir yang diperolehi melalui analisis penyelidik terhadap kepentingan nilai murni dalam pendidikan yang telah dihasilkan melalui perisian ATLAS.ti 8:



Rajah 1: Kepentingan Nilai Murni dalam Pendidikan

### 5.1 Matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)

Dalam sistem pendidikan di negara kita, penumpuan terhadap dasar pendidikan untuk melahirkan insan yang baik, menyeluruh dan bersepadu dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani adalah jelas berdasarkan apa yang tersurat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Sapie et al., 2018).

Hasrat bagi melahirkan generasi pelajar yang mempunyai nilai-nilai murni ini adalah selaras dengan matlamat utama pendidikan di negara Malaysia yang telah diterjemahkan melalui pernyataan di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan Malaysia (FPK) yang berbunyi:

*Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.*

(Kementerian Pendidikan Malaysia 2013)

Berdasarkan pernyataan Falsafah Pendidikan Malaysia, fungsi pendidikan dilihat bertujuan untuk menjadi ejen bagi pemindahan nilai-nilai ke dalam diri pelajar, seterusnya menjadikan mereka sebuah masyarakat yang hidup dalam keadaan yang harmoni (Sapie et al., 2018). Penekanan kepada persoalan nilai-nilai murni dalam sistem pendidikan di Malaysia amat diberi perhatian. Perhatian yang serius bermula dengan pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1983 dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada 1989 yang menggalakkan guru-guru melaksanakan pendekatan penerapan nilai merentas kurikulum (Asmawati, 2006).

Ia juga turut dizahirkan melalui penubuhan Jawatankuasa Pendidikan Akhlak di Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 1976 yang telah meneliti nilai-nilai yang terkandung dalam pelbagai agama yang diamalkan di negara kita, tidak hanya memfokuskan kepada agama Islam sahaja. Berasaskan kepada pandangan dan maklum balas yang diperolehi, jawatankuasa ini yang dianggotai oleh wakil pelbagai agama telah menerima 16 nilai yang boleh diajar dan diserapkan kepada semua pelajar di negara ini untuk membentuk pelajar yang seimbang dan menyeluruh dari segi kognitif, afektif, psikomotor dan akhlak (Anon 2020).

Resolusi Seminar Pendidikan Tinggi Berasaskan Nilai yang telah di adakan pada 15 dan 16 November 2018 menyatakan keperluan untuk membangkit dan memugar pendidikan berdasarkan nilai berdasarkan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) bagi membina semula nilai-nilai asas, budi dan akhlak ke dalam struktur asas masyarakat (Dzulkifli & Rosnani, 2019). Manakala, dalam konteks pelaksanaan Pendidikan 5.0 di UiTM, penerapan nilai dan etika telah menjadi agenda untuk diterapkan di dalam kurikulum bagi menghasilkan satu kerangka untuk membentuk pelajar generasi hadapan (*Academic Affairs Division*, 2019). Di antara usaha Kementerian Pendidikan Malaysia bagi menerapkan nilai murni dalam kalangan pelajar ialah dengan melancarkan program *Service Learning Malaysia-University for Society* (SULAM) pada tahun 2019. SULAM adalah inisiatif yang memberikan pengalaman belajar dengan menghubungkan teori dan praktikal dengan mendedahkan pelajar kepada masalah sebenar dalam masyarakat. Ia dilakukan berdasarkan kepada penerapan nilai cinta, kegembiraan dan saling menghormati (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Justeru, nilai murni dapat diterapkan melalui pendidikan secara langsung ataupun tidak langsung khusus untuk memastikan generasi masa hadapan tidak ketandusan nilai serta berkembang secara holistik seperti yang telah digariskan di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan negara.

## 5.2 Pembentukan Masyarakat yang Baik, Berakhhlak dan Mempunyai Jati Diri

Kepentingan akhlak adalah merupakan satu gagasan yang penting untuk menjamin masa depan negara khususnya bagi mendepani cabaran Wawasan 2020 (Azhar & Ab.Halim, 2005). Matlamat pembinaan sebuah negara bangsa di Malaysia menurut Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam Negara Malaysia (1985) menyatakan:

*Ianya ialah satu usaha untuk memelihara maruah warganegara Malaysia, maka perlulah ia mempunyai satu identiti yang kukuh. Dalam konteks ini, unsur yang terpenting sekali dalam pembentukan identiti warganegara Malaysia ialah nilai. Ia merupakan satu faktor utama yang boleh memastikan kelahiran sesbuah masyarakat yang disegani. Sesuatu bangsa yang tidak mempunyai nilai kehidupan yang tertentu akan mudah menjadi mangsa kepada bangsa lain yang sentiasa*

*berusaha mengembangkan nilai-nilainya dan dengan perkembangan ini akan dapat menguasai bangsa yang tidak mempunyai nilai-nilai yang kukuh.*

(Jabatan Perdana Menteri, 1985)

Rasional dan kepentingan untuk memastikan bahawa nilai-nilai ini terpelihara dan sentiasa tersemai di dalam jiwa seluruh masyarakat Malaysia adalah sebagai langkah yang penting bagi mewujudkan perpaduan, keharmonian serta memastikan rakyat Malaysia hidup secara aman dan sejahtera. Salah satu usaha yang dilakukan oleh kerajaan Malaysia ialah dengan memastikan pendidikan nilai dan akhlak ini di ajar di institusi-institusi pengajian bermula dari peringkat rendah hingga ke peringkat tinggi seperti yang termaktub di dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Dasar Pelaksanaan Pelajaran (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1979). Rasional kerajaan memberi perhatian kepada nilai-nilai ialah supaya pelajar dapat menanamkan nilai-nilai dan sikap hidup yang baik serta membentuk kelakuan yang bersopan santun dan hormat-menghormati di antara satu dengan yang lain selaras dengan hakikat bahawa moral dan etika menjadi asas dalam pembinaan sebuah masyarakat yang berdisiplin, bertatasusila dan bersatu padu (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1979)

Justeru, kepentingan penghayatan nilai murni dalam kalangan manusia amat penting, kerana nilai murni yang dihayati itu akan menentukan jenis manusia yang diingini. Nilai-nilai inilah yang membentuk cara seseorang individu itu bertingkah laku, berfikir dan bertindak sehingga mencorakkan kebudayaan atau norma sesebuah masyarakat (Khairul Azhar, 2018). Azhar dan Ab.Halim (2005) pula menjelaskan bahawa akhlak merupakan sendi yang mengikat perhubungan dalam sesebuah masyarakat bagi mewujudkan kestabilan, keamanan dan kesejahteraan masyarakat. Rasulullah SAW telah memberikan contoh tauladan yang baik dalam menghasilkan sebuah ketamadunan yang gemilang melalui penerapan nilai dan akhlak mulia terhadap masyarakat (Asmawati, 2006). Ini terbukti apabila masyarakat yang berbilang bangsa mampu hidup di bawah pentadbiran seorang ketua negara yang berwibawa. Peristiwa penghijrahan Rasulullah SAW yang berjaya menyatukan kaum Muhibbin dan Ansar juga dilihat sebagai satu simbol kejayaan akhlak yang telah diterapkan di dalam jiwa masyarakat Islam. Proses transformasi ilmu pengetahuan serta penerapan nilai-nilai spiritual, dan emosional yang diterapkan Rasulullah SAW, dapat dikatakan sebagai mukjizat luar biasa yang patut diteladani. Kejayaan Rasulullah SAW dalam membangunkan masyarakat negara di Mekah dan Madinah melambangkan peranannya sebagai pendidik ulung yang patut dicontohi (Zainal Effendi, 2014).

Pendidikan 5.0 di UiTM bertujuan untuk memupuk pemikir progresif yang melihat gambaran yang lebih besar dan mempunyai visi yang kukuh tentang apa yang ingin mereka capai di masa hadapan (*Academic Affairs Division*, 2019). Pelajar perlu mempunyai kecenderungan untuk belajar kemahiran dan pengetahuan baru, mengurus keseimbangan kreatif dan analitik, bergerak di luar pemikiran konvensional dan bertanggungjawab terhadap nasib mereka di masa hadapan. Pemikir progresif akan lebih berhati-hati terhadap persekitaran dan masa hadapan mereka. Dengan pelaporan indeks keruntuhan nilai yang meruncing saban tahun, penerapan nilai-nilai murni melalui Pendidikan 5.0 dapat membentuk pemikiran pelajar yang progresif untuk melahirkan masyarakat yang baik, berakhlak dan mempunyai jati diri yang kukuh.

### 5.3 Tuntutan Agama

Pendidikan memainkan peranan penting bagi menerapkan nilai-nilai positif untuk melahirkan masyarakat yang maju, berakhlak dan berdaya saing. Pendidikan juga merupakan mekanisme sosial bagi menerapkan nilai-nilai moral, akhlak, kerohanian dan nilai tingkah laku yang baik serta mendidik masyarakat untuk mempertahankan nilai-nilai yang boleh mendorong mereka bagi mencapai kesejahteraan hidup. Rasulullah SAW membangunkan sahsiah umatnya dengan komponen asas Islam iaitu aqidah, syariah dan akhlak (Hasbullah, Ahmad Yussuf & Fakhru Adabi, 2020), sebagaimana hadis Rasulullah SAW:

Ahmad bin Mani' Al Baghdadi menceritakan kepada kami, Ismail bin Aliyyah memberitahukan kepada kami, Khalid Al-Hadzdza' memberitakan kepada kami dari Abu Qilabah dari Aisyah berkata :Rasulullah SAW bersabda :

Maksudnya: "*Sesungguhnya orang mukmin yang paling sempurna imannya adalah orang yang terbaik budi pekertinya dan paling halus terhadap keluarganya*".

(Hadis Sunan at-Tirmizi Jilid 4, Nombor hadis 2743)

Hadis di atas menjelaskan ukuran keimanan seseorang dapat dinilai melalui pelaksanaan akhlak dalam seluruh dimensi kehidupannya. Kenyataan ini dipersetujui oleh Akmaliza, Tamar Jaya dan Othman (2016) yang menyatakan bahawa seseorang seharusnya mempunyai pegangan akhlak agar ianya menjadi piawaian bagi menentukan balasan yang akan diterima di akhirat kelak. Manusia boleh mencapai darjah orang-orang yang beramat soleh seandainya mereka mempunyai akhlak yang mulia sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

Maksudnya: "*Sesungguhnya seorang hamba itu benar-benar mencapai darjah orang yang berpuasa dan solat malam dengan sebab akhlaknya yang baik*"

(Sunan Abi Daud, Nombor hadis 4798)

Pendidikan dan penerapan nilai mempunyai hubungan yang sangat akrab seperti yang telah dijelaskan oleh al-Attas bahawa:

*"Tujuan pendidikan daripada tingkat yang paling rendah hingga tingkat yang paling tinggi seharusnya tidak ditujukan untuk menghasilkan warganegara yang sempurna (complete citizen), tetapi untuk melahirkan manusia yang baik."*

(al-Attas, 1980)

Menurut Man, Puji, dan Mohamad (2018) penerapan nilai murni merupakan perkara yang diberi perhatian oleh Islam. Justeru, nilai-nilai murni adalah penting bagi pembentukan individu yang baik. Akhlak merupakan kehidupan beragama yang tidak terbatas kepada pelaksanaan rukun Islam semata-mata. Namun, akhlak merupakan ukuran bagi kehidupan yang berlandaskan kepada agama. Allah telah menjadikan manusia mempunyai rasa malu, berhati mulia, berani, pemaaf, penyabar, dan berbudi pekerti serta berakhhlak, yang mana ianya merupakan amalan nilai-nilai murni yang sangat dituntut dalam kehidupan (S Wahyudi 2016).

Penekanan konsep adab dan amanah melalui pengajaran dan pembelajaran Pendidikan 5.0 dilihat menjadi teras bagi penerapan nilai-nilai murni untuk membentuk generasi masa hadapan yang berakhhlak sesuai dengan tuntutan agama Islam. Dalam Pendidikan 5.0 di UiTM, agenda untuk memastikan pelajar dapat mewujudkan rasa penghargaan terhadap pengetahuan dan mengakui hubungan antara manusia, Pencipta dan persekitarannya adalah sangat penting. Pengajaran dan pembelajaran perlu dijalankan dengan pengertian yang jelas tentang hubungan manusia dengan Pencipta, sesama makhluk dan persekitaran (*habluminallah, hablunminannas* dan *habluminal'alam*). Hubungan ini mesti seimbang dan diterjemahkan ke dalam semua domain pembelajaran, kandungan dan penyampaian pensyarah. Penerapan nilai ketuhanan ini dilihat sangat bertepatan dengan tuntutan pengajaran berdasarkan adab yang diperkenalkan oleh al-Attas (1980). Menurut al-Attas, pendidik perlu menanamkan rasa cintakan Allah SWT ke dalam diri pelajar bagi memastikan kesan adab tersebut tersemat ke dalam jiwa mereka.

## 6. KESIMPULAN

Sebagai penutup, kertas konsep ini telah membincangkan konsep Pendidikan 5.0 di Malaysia serta kepentingan untuk menerapkan nilai-nilai murni melalui Pendidikan 5.0. Pendidikan 5.0 telah menjadikan pendidikan berasaskan nilai sebagai salah satu agenda penting dalam pembentukan kerangka pelajar generasi masa hadapan yang berfikiran progresif. Nilai-nilai murni adalah penting untuk diterapkan melalui Pendidikan 5.0 berdasarkan kepada perbincangan tiga tema utama dapatan kajian ini iaitu matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, pembentukan masyarakat yang baik, berakhlak dan mempunyai jati diri serta tuntutan agama. Peranan Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi membentuk pendidikan berasaskan nilai adalah penting bagi memastikan generasi masa hadapan dapat berkembang secara holistik tanpa mengabaikan kepentingan nilai-nilai yang murni. Seterusnya, penerapan nilai-nilai murni ini penting untuk melahirkan masyarakat yang baik, berakhlak dan mempunyai jati diri yang kukuh. Penghasilan pelajar generasi hadapan dengan pemikiran progresif dapat memacu pendidikan berkualiti di mana pelajar dapat melihat gambaran yang lebih jelas tentang apa yang mereka inginkan di masa hadapan. Tambahan pula, penekanan konsep adab dan amanah melalui pengajaran dan pembelajaran Pendidikan 5.0 telah menjadi teras dalam Pendidikan 5.0. Ianya bersesuaian dengan tuntutan agama Islam serta menjadi nilai-nilai yang telah ditinjolkan dalam kehidupan Rasulullah SAW. Maka, penerapan nilai-nilai murni melalui Pendidikan 5.0 adalah sangat penting untuk dijadikan sebagai teras dalam memastikan sistem pendidikan di Malaysia terus berkembang serta dapat melahirkan generasi masa hadapan yang lebih berkualiti.

## RUJUKAN

Al-Quran

Al-Hadis

Abe, S. t.t.. *How students are being prepared for Society 5.0 / Intelligence on Global Japan.* <https://www.globaljapan.world/article/japan-leads-world-in-education-for-society-5-0/>. Retrieved on: 3 December 2019.

Al-Attas. 1980. The Concept of Education Islam. *The Keynote Address Delivered at the First World Conference on Muslim Education*, 16. <http://www.mef-ca.org/files/attas-text-final.pdf>. Retrieved on: 16 March 2020.

Al-Ghazali. 2005. *Ihya' 'Ulum al-Din*. Vol. 3. Cet. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Alamiyah.

Academic Affairs Division, U. 2019. *UiTM Academic Compass Education 5.0 @ UiTM Navigating the Future*. Malaysia: UiTM Press.

Akmaliza Abdullah, Tamar Jaya Nizar, & Othman Napiah. 2016. *Akhlaq, etika dan moral*.

Amir Mohd Nason, & Mohd Shukri Hanapi. 2019. Penerapan Pendekatan Pendidikan Berasaskan Qalbu Dalam Pembelajaran Abad Ke-21: Cabaran Dan Harapan. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 20, 33–48.

Anon. 2020. *Konsep Nilai Murni Dalam Falsafah Pendidikan Negara*. Retrieved April 21, 2020, from Kertas Kerja Kajian Sistem Pendidikan Kebangsaan (MTT 2353) website: <https://sarjana.tripod.com/nilai3.html>

Asmawati Suhid. 2006. Pengajaran adab & akhlak Islam dalam membangunkan modal insan. *Jurnal Pengajaran Umum*, 8, 167–178.

Azhar Ahmad & Ab.Halim Tamuri. 2005. *Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah*.

- Aziah Alias, N. 2019. *Next Gen Learning in Education 5.0@UiTM*. Retrieved from <https://myhe2019.uitm.edu.my/wp-content/uploads/2019/04/Slide-Prof-Aziah-Next-Gen-Learning-25th-April.pdf>
- Braun, V., & Clarke, V. 2012. *Thematic Analysis Thematic Analysis*, p . 2. 2, 57–71.
- Daccache, F. J. 2019. *Examining the Relationship between Educational Technology and Morality: A Case Study of an American Catholic Middle School* (Loyola Marymount University). Retrieved from [http://www.ghbook.ir/index.php?name=های\\_رسانه\\_و\\_فرهنگ&option=com\\_dbook&task=readonline&book\\_id=13650&page=73&chkhashk=ED9C9491B4&Itemid=218&lang=fa&tmpl=component](http://www.ghbook.ir/index.php?name=های_رسانه_و_فرهنگ&option=com_dbook&task=readonline&book_id=13650&page=73&chkhashk=ED9C9491B4&Itemid=218&lang=fa&tmpl=component)
- Dzulkifli Abdul Razak & Rosnani Hashim. 2019. *Pentafsiran Baharu Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Pelaksanaannya Pasca 2020*. Kuala Lumpur: IIUM Press, 415-419.
- Franz Rosenthal (trans). 1967. *The Muqaddimah*. New Jersey: Princeton University Press.33-43.
- Hairuddin Harun, Ahmad Esa, Mohd Hasril Amiruddin, Alias Masek, Noorazman Abd Samad, Siti Noor Fazelah Mohd Noor, & Mohd Hafiz Kamarudin. 2016. Utilization of FROG VLE as Teaching Tools : Readiness of Islamic Education Teachers in Muar District Schools . *American Scientific Publisher*, (2012), 1–5.
- Hasbullah Mat Daud, Ahmad Yussuf, & Fakhrul Adabi Abdul Kadir. 2020. Pembentukan Akhlak dan Sahsiah Pelajar melalui Pembelajaran Sosial menurut Perspektif Islam. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(9), 75–89.
- Hidayat, A. N. 2017. E-Learning Implementation In Islamic Education Innovation Introduction The advancement of science and technology has resulted in changes in many aspects of social and moral order which was strongly upheld . Currently , the moral and social values tend to. *Hunafa: Jurnal Studia Islamika*, 14(1), 17–36.
- Jabatan Perdana Menteri. 1985. *Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam Dalam Pentadbiran*. [https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/10DASAR\\_PENERAPAN NILAI.pdf](https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/10DASAR_PENERAPAN NILAI.pdf). Retrieved on: 15 September 2020.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 1979. *Laporan Jawatankuasa Kabinet, Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran*. [https://sgp1.digitaloceanspaces.com/proletarian-library/singapore-malaysia/Kementerian%20Pelajaran%20Malaysia/Laporan%20Jawatankuasa%20Kabinet%20Mengkaji%20Perlaksanaan%20Dasar%20Pelajaran%20\(564\)/Laporan%20Jawatankuasa%20Kabinet%20Mengkaji%20Perl%20-%20Kementerian%20Pelajaran%20Malaysia.pdf](https://sgp1.digitaloceanspaces.com/proletarian-library/singapore-malaysia/Kementerian%20Pelajaran%20Malaysia/Laporan%20Jawatankuasa%20Kabinet%20Mengkaji%20Perlaksanaan%20Dasar%20Pelajaran%20(564)/Laporan%20Jawatankuasa%20Kabinet%20Mengkaji%20Perl%20-%20Kementerian%20Pelajaran%20Malaysia.pdf). Retrieved on: 17 August 2020
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Malaysia Education Blueprint 2013 - 2025*. <https://www.padu.edu.my/my/about-the-blueprint/>. Retrieved on: 17 August 2020
- Khairul Azhar Meerangani. (2018). Kaedah Pembentukan Karakter Anak-Anak Menurut Islam : Analisis Surah Luqman. *Prosiding Seminar Antarabangsa Pembangunan Insan 2017 Kolej Universiti Islam Melaka KAEDAH*, (February).
- Man, N. D., Puji, T. I. Z. T., & Mohamad, S. 2018. Menangani Keruntuhan Akhlak Masa Kini Menurut Islam Addressing Today ' s Moral Decline According to Islam. *Jurnal Al-Turath*, 3(1), 55–63.
- Maszlee Malik. 2020. *Amanat Menteri Pendidikan Tahun 2019: Pendidikan untuk Semua*,

Tanggungjawab

Semua.

[https://www.moe.gov.my/images/KPM/UKK/2019/01\\_Jan/Amanat\\_2019.pdf](https://www.moe.gov.my/images/KPM/UKK/2019/01_Jan/Amanat_2019.pdf). Retrieved on: 18 August 2020.

Mohamed Noh Abd Munir. 2010 *Falsafah pendidikan menurut Ibn Khaldun dan John Dewey : kajian perbandingan / Abd Munir bin Mohamed Noh*. Masters thesis, University of Malaya.

Mohd Aliff Mohd Nawi, Ezad Azraai Jamsari, Mohd Isa Hamzah, Adibah Sulaiman, & Azizi Umar. 2012. The Impact of Globalization on Current Islamic Education Azizi Umar Department of Arabic Studies and Islamic Civilization , Faculty of Islamic Studies ,. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*, 6(8), 74–78.

Mohd Hasrul Shuhari, & Mohd Fauzi Hamat. 2015. Nilai-nilai Murni Individu Muslim menurut Al-Ghazali. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporeri*, 41–60.

Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin, Pisol Maidin, Muhammad Yusri Yusof, Paiz Hassan, Hamdi Rahman Mohd Yaacob, Abd Munir Mohd Noh & Muhammad Imran Abd Razak. 2017. Pandangan Ibnu Khaldun Berkaitan Kaedah Pendidikan Dalam Kitab Al-Muqaddimah. *Ideology*, 2(1) : 26-35.

Nor Liza Kila & Noraizan Mohsin. 2018. Pembudayaan Konsep Filantropi melalui Penggunaan Surau Sekolah. *International Conference on Global Education VI*, (1), 400–409.

Nur Fadilah. 2015. Pembelajaran Interaktif E-Learning Mencorakkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. *Proceeding the 7th International Workshop and Conference of Asean Studies On Islamic and Arabic*, (12).

Othman Talib. 2019. *Analisis Data Kualitatif dengan ATLAS.ti 8 Penerangan Lengkap Langkah Demi Langkah*. Serdang: Universiti Putra Malaysia, 21-45.

S Wahyudi. 2016. *Summary for Policymakers*. Intergovernmental Panel on Climate Change, Ed..

Sapie Sabilan, Suhana Mohamed Lip, Mohamad Fuad Ishak, Shazarina Zdainal Abidin. 2018. Konsep Penerapan Dan Penghayatan Nilai-Nilai Murni Berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan ( FPK ). *Conference: International Conference On Moslem Society 2018*, (May), 1–13.

Siti Norlina & Mohd Nasir. 2004. Pemupukan Akhlak Muslim Menurut Pandangan Ibnu Miskawayh. *Seminar Antarabangsa Nilai Dalam Komuniti Pasca Modernisme (SIVIC 2004)*, 1–11. <http://repo.uum.edu.my/1855/1/31.pdf>. Retrieved on: 13 March 2020.

Walker, A. 2019. Facilitating Student Driven-Learning in the Era of Education 5.0. *Seminar on Education 5.0*. <https://myhe2019.uitm.edu.my/wp-content/uploads/2019/04/Facilitating-Student-Driven-Learning-in-the-Era-of-Education-5-Andrew-Walker.pdf>. Retrieved on: 2 September 2019.

Zainal Effendi. 2014. Profil Rasulullah S.A.W sebagai Pendidik Ideal dan Kontribusinya terhadap Pengembangan Pendidikan Islam di Indonesia. *Jurnal Fitrah*, 199–218.

Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2019. Penghayatan Al-Quran dan Sunnah dalam Pembentukan Nilai Murni Masyarakat Bertamadun. *Prosiding Seminar Kebangsaan Memperkasa Penghayatan Nilai Murni*. 1-9.